

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 16 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1532-MQT2782

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah :

- (a) apakah Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan kepada pihak kontraktor bagi memastikan pembinaan lebuh raya ini tidak menjadi punca kepada kejadian bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh; dan
- (b) berapa kos bagi pampasan tanah bagi Fasa 1B dan adakah kesemua pampasan telah diselesaikan.

2. PR-1532-MQT2787

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan khusus Kementerian berhubung cadangan untuk membawa masuk tenaga pengajar Bahasa Inggeris dari Singapura ke negara kita yang diumumkan baru-baru ini serta langkah untuk memperkasa pengajaran dan pembelajaran serta latihan untuk guru Bahasa Inggeris tempatan.

3. PR-1532-MQT2777

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 yang bermula 6 Jun 2023 sehingga 31 Mei 2024, bilangan syarikat dan individu yang telah menyertainya serta nilai kutipan hasil yang berjaya diperoleh agar dapat dibelanjakan bagi tujuan kebaikan dan kebajikan rakyat.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 16 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 32

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L25931
Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menentukan garisan sempadan darat dan maritim di antara Malaysia, Brunei dan Indonesia.
2. PR-1532-L25610
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan impak rasionalisasi subsidi diesel terhadap harga barang dan peningkatan kos sara hidup rakyat, yang mana pada masa sama pengguna terpaksa menanggung kesan peningkatan kadar cukai perkhidmatan dan kenaikan tarif elektrik serta air.
3. PR-1532-L25565
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengubalan Rang Undang undang Kebebasan Maklumat (*Freedom of Information*) dan bila rang undang-undang ini akan dibentangkan kepada Parlimen.
4. PR-1532-L24528
Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada terdapat peluang dan ruang untuk mengangkat Parlimen Padang Rengas sebagai salah satu tempat yang berpotensi dalam aktiviti pelancongan.

5. PR-1532-L25867

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen DBKL dalam mengekalkan kawasan hijau melalui PTKL2040 selaras dengan janji YAB sendiri ketika perasmian Residensi Wilayah di Sungai Besi.

6. PR-1532-L25980

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status Permohonan Pengkelasan dan Spesifikasi Tempat Duduk Bagi Bas Ekspres yang telah dibuat permohonan oleh Persatuan Pengusaha Bas Ekspres Melayu Semenanjung Malaysia (PEMBAWA) dan Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia (PMBOA).

7. PR-1532-L25853

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimana Kementerian akan menyelaras semua insentif, program pelaburan, program pembiayaan serta pembangunan kapasiti berkaitan ekosistem *startup* agar lebih telus, cekap dan berkesan melalui platform Tetingkap Tunggal MYStartup. (STARTUP/Single Window Initiative).

8. PR-1532-L25889

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah punca kegagalan Syarikat Aerotree Defence & Services gagal membekalkan pesawat helikopter jenis UH-60A Black Hawk kepada Tentera Darat Malaysia (TDM) mengikut waktu yang ditetapkan dan apakah tindakan susulan daripada pihak Kementerian Pertahanan bagi memastikan kepentingan TDM terpelihara.

9. PR-1532-L(5)00259

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pesakit yang menghidap penyakit kronik melemahkan (seperti penyakit Systemic Lupus Erythematosus) dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) dan sekiranya tidak, adakah pihak Kementerian bercadang untuk meluaskan kategori OKU untuk memasukkan golongan ini.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

10. PR-1532-L25077

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan dalam menangani ideologi liberalisme dan pluralisme yang dilihat semakin agresif disebarluaskan dalam masyarakat dengan pelbagai medium termasuk dalam talian sekarang ini.

11. PR-1532-L25840

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah perkembangan terkini kemajuan pembinaan projek menara telekomunikasi di Parlimen Tenom dan mengapa berlaku situasi menara telekomunikasi yang telah siap dipasang masih lagi gagal berfungsi untuk dimanfaatkan penggunaanya oleh penduduk setempat.

12. PR-1532-L25581

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada perancangan untuk membuka dan membenarkan penerbangan terus dari China ke Labuan dalam konteks merancak dan meningkatkan ekonomi terutama dalam sektor pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan.

13. PR-1532-L25740

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk merancakkan lagi minat pelajar sekolah dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

14. PR-1532-L24511

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pendekatan Kementerian terhadap kerangka industri hotel bajet termasuk penginapan berkonsepkan sewaan jangka pendek seperti *Airbnb* dan agensi pelancongan dalam talian termasuk daripada segi aspek pemantauan mengambil kira kelompongan undang-undang yang sedia ada.

15. PR-1532-L24717

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan kayu ukur yang diletakkan dalam perancangan menjadikan Malaysia sebagai hub digital antara negara ASEAN.

16. PR-1532-L24977

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan yang lebih tersusun bagi membendung penularan ajaran sesat yang menggunakan platform media sosial bagi menyebarkan ajarannya.

17. PR-1532-L25940

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan kelebihan penubuhan 1,878 Komuniti MADANI yang telah ditubuhkan di seluruh negara serta apakah penambahbaikan yang telah diperkenalkan berbanding Komuniti Keluarga Malaysia dan juga Komuniti 1Malaysia yang pernah diperkenalkan sebelum ini.

18. PR-1532-L(5)00247

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian mengenai status projek sistem penggantian aerotrain KLIA termasuk perjanjian baharu yang dimeterai oleh Malaysia Airport Berhad (MAHB) serta anggaran peningkatan kos yang terlibat.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

19. PR-1532-L24385

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan secara terperinci maklumat mengenai peruntukan kewangan bagi mempromosi dan melaksanakan pakej pelancongan Sarawak Delta Geopark dan Gawai 2024, serta bagaimana peruntukan tersebut dapat memberi impak kepada industri pelancongan di Sarawak dari segi pulangan pendapatan kepada negara.

20. PR-1532-L24753

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan anggota veteran yang berpencen sebelum 1 Januari 2013 yang berumur 60 tahun ke atas juga diberi bantuan sara hidup bulanan sebanyak RM300 sebulan sebagaimana yang diberikan kepada veteran tidak berpencen.

21. PR-1532-L25905

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan penubuhan Lembah Klang Raya yang melibatkan empat Majlis Bandaraya di negeri Selangor. Adakah Kerajaan dapat memberikan kelulusan Zon Ekonomi Khas bagi Lembah Klang Raya sekiranya menepati kriteria yang diperlukan.

22. PR-1532-L25580

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada perancangan untuk menambah jumlah perjalanan (*frequency*) harian perkhidmatan feri roro dan memanjangkan masa perkhidmatan feri dari jam 8.00 pm ke 12.00 pm untuk Wilayah Persekutuan Labuan - Menumbuk, Sabah.

23. PR-1532-L(5)00238

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes jenayah seksual kanak-kanak pada tahun 2018-2023 dalam format jadual di mana hasilnya tiada tindakan lanjut (NFA), dalam siasatan, aduan ditarik balik, dan dituduh.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

24. PR-1532-L25762

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional di sebalik tindakan Kerajaan memberikan subsidi kereta elektrik kepada golongan T1 yang sememangnya lebih dari mampu untuk membayar cukai jalan pada kadar biasa.

25. PR-1532-L25990

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perbincangan jawatan kuasa teknikal MA63 kepada negeri Sabah kepada perkara pendidikan, kesihatan, imigresen dan pemberian khas 40 peratus.

26. PR-1532-L25078

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh JAKIM dan agensi Kerajaan bagi membendung budaya Hedonisme yang dilihat semakin meningkat di dalam negara.

27. PR-1532-L25020

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dalam usaha membantu pembeli rumah dalam projek pembangunan terbengkalai, yang dikenal pasti sebagai 'Projek Sakit' khasnya bagi mereka membeli rumah melalui laman web residensi wilayah di bawah JWP.

28. PR-1532-L24639

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Malaysia untuk meraih sokongan antarabangsa ke arah pelaksanaan cadangan tiga fasa Presiden Amerika Syarikat untuk menamatkan kekejaman Israel di Gaza. Sejauh mana bantuan kemanusiaan yang telah disalur oleh Malaysia ke Gaza setakat ini.

29. PR-1532-L25947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah anggota SPRM dan bilangan pegawai SPRM yang telah direkrut daripada Januari 2023 sehingga Jun 2024. Berapa jumlah pegawai SPRM yang telah diambil tindakan disiplin ataupun dalam tempoh tersebut.

30. PR-1532-L25452

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana kajian dan jangkaan pihak Kementerian terhadap peningkatan harga barang yang bakal terkesan akibat daripada program rasionalisasi subsidi diesel yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

31. PR-1532-L25562

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program perlindungan sosial yang lebih baik yang dilaksanakan Kerajaan untuk menyokong isi rumah berpendapatan rendah yang terdedah di semua perumahan awam di Kuala Lumpur yang sedang bergelut untuk memenuhi keperluan asas mereka walaupun negara kita sudah mencatatkan sedikit sebanyak pemulihan ekonomi selepas dilanda bencana COVID-19.

32. PR-1532-L24599

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perincian dan kriteria berkaitan pengumuman kenaikan gaji penjawat awam yang diumumkan baru-baru ini.

33. PR-1532-L(5)00254

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan walaupun Islam adalah agama rasmi Persekutuan, Sabah Sarawak bersetuju bergabung membentuk Persekutuan Malaysia berdasarkan kebebasan mengamal agama, namun baru-baru ini insiden mengislamkan pelajar bawah umur secara senyap dan tanpa kebenaran ibu bapa serta salah di sisi Perlembagaan amat membimbangkan. Apa tindakan Kerajaan untuk membawa mereka yang melakukan kesalahan ke mahkamah dan untuk membanteras kegiatan pengislaman yang tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

34. PR-1532-L25764

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal harga barang dengan kenaikan cukai SST sektor logistik daripada 0% ke 8% ditambah lagi dengan subsidi diesel yang ditarik.

35. PR-1532-L25019

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan halangan dan rintangan yang melumpuhkan usaha pembangunan semula Kampong Baru Salak Selatan yang terbiar sejak beberapa dekad lalu dan jalan penyelesaiannya termasuk melibatkan penyertaan pemaju berdaya maju.

36. PR-1532-L25752

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian sedia melaksanakan cadangan menaikkan elauan OKU pada masa kini agar selari dengan kenaikan kos sara hidup rakyat semasa.

37. PR-1532-L25525

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Ahli Parlimen akan dilibatkan dalam Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya dan bilakah proses ini akan dimulakan.

38. PR-1532-L24978

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang telah dirancang dan dilaksana setakat ini untuk memperoleh semula aset-aset strategik Lembaga Tabung Haji yang telah dipindah milik kepada Syarikat Urus Harta Jemaah Sdn Bhd.

39. PR-1532-L25061

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional Kerajaan mengetatkan syarat bagi penyaluran peruntukan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di bawah pengurusan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) dan sejauh manakah pertimbangan Kerajaan bagi melonggar dan mempermudahkan urusan penyaluran sumbangan kepada RIBI ini.

40. PR-1532-L25545

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha dan pendekatan khusus yang akan dilaksanakan untuk mengurangkan kos sara hidup dan menstabilkan harga makanan.

41. PR-1532-L25932

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bila agaknya isu telekomunikasi di kawasan pedalaman termasuk di kawasan Lawas dapat diatasi.

42. PR-1532-L25711

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keperluan mengadakan pusat latihan atau pusat pemulihan pesakit autisme dan golongan kurang upaya di dalam Parlimen Gerik agar mereka dapat mengurangkan kadar kebergantungan kepada Kerajaan untuk meneruskan kehidupan secara berdikari.

43. PR-1532-L25620

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah terdapat rancangan pembangunan yang menyeluruh untuk kawasan sempadan Malaysia-Kalimantan termasuk bagi menambahbaik laluan perhubungan antara kedua-dua negara melalui pembinaan Laluan Keretapi Trans Borneo dan jajaran jalan sepanjang sempadan tersebut.

44. PR-1532-L25212

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :

- (a) keberhasilan kerjasama dengan Vietnam membaiki tatakelola dan penguatkuasaan negara mereka terhadap aktiviti perikanan nelayan Vietnam; dan
- (b) langkah memanfaatkan platform serantau seperti ASEAN Sectoral Working Group on Fisheries (ASWGFi) bagi membangkitkan dan menyelesaikan isu pencerobohan nelayan Vietnam.

45. PR-1532-L24758

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis biasiswa luar negara yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setiap tahun sejak 2017 mengikut pecahan kaum. Berikan kos perbelanjaan dan berapakah ditawarkan kepada warganegara asing. Nyatakan butiran lanjut serupa untuk agensi Kerajaan seperti MARA, GLC, dan GLIC.

46. PR-1532-L24736

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian apabila sekumpulan veteran tentera dari persatuan veteran tentera yang tidak berdaftar dengan JHEV telah menyertai dan menubuhkan cawangan parti politik di Kuala Kubu pada bulan Mei yang lepas.

47. PR-1532-L25963

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status berkenaan usaha Kerajaan untuk memisahkan pejabat PEGUAM NEGARA dan PENDAKWA RAYA dan sama ada usaha ini akan dicapai dalam jangka masa yang telah pun ditetapkan oleh Kerajaan.

48. PR-1532-L25771

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan menunaikan manifesto Pakatan Harapan pada pilihan raya umum lalu bagi menubuhkan Pejabat Belanjawan di Parlimen Malaysia untuk memastikan setiap Ahli Parlimen mendapat akses maklumat perbelanjaan Kerajaan Persekutuan secara telus.

49. PR-1532-L25553

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah lebih efektif dan berkesan yang akan diambil oleh Kerajaan memandangkan negara kita kehilangan RM227 bilion dalam 5 tahun akibat rasuah dan Kerajaan dilihat telah gagal menangani masalah rasuah yang masih berleluasa.

50. PR-1532-L25699

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa nilai zakat yang dibayar oleh Petronas hasil keuntungan perniagaan pada tahun 2023 dan kepada majlis agama mana serta di manakah agihan bayaran tersebut dibuat.

51. PR-1532-L24404

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang memperkenalkan "water taxi" di Pulau Pinang bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan semasa waktu puncak.

52. PR-1532-L25634

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pembabitan setiap kumpulan penjawat awam dalam kegiatan politik.

53. PR-1532-L25948

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk menapis dan melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam bagi memastikan wujudnya ketelusan dan semak imbang dalam proses pelantikan jawatan-jawatan penting. Apakah garis masa telah ditetapkan untuk mencapai tujuan ini.

54. PR-1532-L24818

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terkini hasil siasatan berhubung dengan kes pesawat yang terhempas berhampiran kawasan perumahan di Elmina, Seksyen U16, Shah Alam pada tahun lalu yang telah mengorbankan 10 nyawa.

55. PR-1532-L25621

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat usaha untuk meningkatkan keanggotaan dan menambah baik aset-aset Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA) bagi membolehkan kerja penyelamatan dan penyaluran bantuan dijalankan dengan lebih efisien di kawasan luar bandar dan pedalaman yang ditimpa bencana seperti banjir dan tanah runtuh.

56. PR-1532-L25240

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah PUSPAKOM dan cawangan yang ada bagi seluruh negeri Kelantan.

57. PR-1532-L25512

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini dalam perundingan isu berbangkit MA63 oleh Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

58. PR-1532-L24575

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan perancangan bagi menambah bilangan *ride-on-demand* di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar bagi mengoptimumkan lagi konsep *first-mile-last-mile* dalam sektor pengangkutan awam.

59. PR-1532-L24846

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) profil insiden bencana di Malaysia bagi tujuh tahun terakhir serta jumlah kerugian langsung dan tidak langsung bagi setiap insiden tersebut; dan
- (b) data penilaian cost-benefit analysis (CBA) yang dapat membandingkan kos akibat bencana terhadap kerugian langsung dan tidak langsung, dengan kos perbelanjaan mitigasi mencegah bencana.

60. PR-1532-L25681

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha menjadikan Sungai Perlis satu tarikan pelancongan dengan mengadakan aktiviti berkayak dan aktiviti-aktiviti air yang lain sempena Tahun Melawat Perlis 2024 - 2025.

61. PR-1532-L24466

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan sebuah data hub percuma bagi kajian yang telah dikeluarkan oleh mana-mana Agensi dan Kementerian di Malaysia; dan
- (b) apakah jangka masa sebelum data hub tersebut dapat digunakan oleh umum.

62. PR-1532-L25524

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hala tuju jangka masa panjang Kerajaan terhadap FELDA dan apakah status terkini pelaksanaan kertas putih FELDA.

63. PR-1532-L24803

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan mengenai lonjakan lebih sejuta aktiviti *scam* menerusi panggilan telefon pada 2023 dan sejauh manakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi menangani isu yang kian berleluasa ini.

64. PR-1532-L25895

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan memberikan garis masa penyelesaian semakan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan skop dan penggunaannya melindungi kebebasan bersuara dan selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

65. PR-1532-L25181

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan susulan yang akan diambil bagi memastikan isu 300 jemaah haji Malaysia yang gagal menuaikan ibadah haji ekoran menggunakan visa pelancong baru-baru ini tidak berulang pada tahun-tahun yang akan datang.

66. PR-1532-L25434

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kepentingan reformasi Parlimen untuk memastikan proses legislatif adalah terbuka, telus dan bertanggungjawab. Apakah ada sebarang langkah pengukuhan fungsi pengawasan Parlimen Malaysia terhadap cabang eksekutif.

67. PR-1532-L25804

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan melalui perluasan pemberian di bawah Sistem Kawalan Subsidi Diesel 2.0 (SKDS 2.0) berapa jumlah syarikat dan kenderaan yang telah berjaya berdaftar dan berapa jumlah peruntukan yang ditangung oleh Kementerian melalui program ini.

68. PR-1532-L25825

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peranan Pelabuhan Tanjung Beruas di Melaka sebagai "Sea Air Cargo Hub" dan sejauh manakah keberkesanannya sebagai "Container Feeder Service" ke Pelabuhan Klang.

69. PR-1532-L25942

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah hasil rundingan Surat Perjanjian Operasi antara Kuala Lumpur dan Pusat Kawalan Kawasan Singapura Mengenai Ketibaan, Keberangkatan dan Penerbangan Singapura 1974 (OLOA 1974) sebagai langkah untuk mengambil alih ruangan udara yang dikawal selia Singapura di kawasan Laut China Selatan.

70. PR-1532-L24923

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan memartabatkan Bahasa Melayu secara rasmi sebagai tafsiran autoritatif, eksklusif dan mutlak dalam menafsirkan Perlembagaan Persekutuan di Malaysia tanpa terikat dengan Bahasa Inggeris.

71. PR-1532-L24617

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- (a) apakah perancangan Kementerian dalam membangunkan Kepala Batas sebagai pusat eko-pelancongan; dan
- (b) apakah perancangan limpahan sosial dan ekonomi untuk penduduk setempat hasil dari pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah.

72. PR-1532-L24798

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status semasa pembelian Rolling Stock KTMB yang diperuntukkan bajet secara tahunan, adakah ianya sudah digunakan di mana-mana ETS ataupun masih lagi dalam proses tender.

73. PR-1532-L25678

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah cadangan Kementerian bagi menggalakkan pelancong tempatan menikmati keindahan negeri Perlis dan Kedah sebelum mereka meneruskan perjalanan ke negara jiran iaitu Thailand sebab berdasarkan trend terkini kebanyakan pelancong Malaysia terus masuk dan menginap di negara Thailand.

74. PR-1532-L(5)00258

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kaedah, syarat, dan jenis geran atau sokongan yang terdapat daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak bagi sesebuah pertubuhan bukan Kerajaan yang ingin menubuhkan satu pusat penjagaan OKU dan warga emas terabai di Miri.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

75. PR-1532-L25695

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini cadangan menaik taraf lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu kepada Lapangan Terbang Antarabangsa sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri.

76. PR-1532-L25675

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status penukaran status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke Pelabuhan Negeri dan apakah implikasi kewangan terhadap Sarawak dan Kerajaan Persekutuan hasil dari pengambilalihan pengurusan tersebut.

77. PR-1532-L24486

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah pelan khusus Kementerian dalam menangani insiden penyeludupan diesel secara terancang di seluruh negara mengambil kira penyelarasan subsidi bahan api diesel yang bakal dilaksana kelak.

78. PR-1532-L25013

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan Kementerian dalam menangani miskin tegar bandar yang terdapat di Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur dan menyatakan berapa jumlah angka yang sebenar.

79. PR-1532-L24690

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kebijakan dan perlindungan sosial bagi golongan miskin yang terpinggir sama ada di kawasan bandar dan luar bandar; dan

- (b) berapa ramai pegawai kebajikan yang terlibat dan bilangan penerima bantuan JKM yang telah berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan.
80. PR-1532-L24807
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kerugian KTMB yang ditanggung oleh Kerajaan bermula tahun 2023 sehingga sekarang dan berapa hasil keuntungan penyewaan tren khas (Charter Train) setakat dilancarkan pada 2021.
81. PR-1532-L24830
Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos yang telah diperuntukkan kepada program "Segalanya Felda" yang berlangsung di setiap Wilayah Felda seluruh Malaysia, dan mohon perincian kepada bajet yang telah dibelanjakan di setiap Wilayah Felda di dalam Pahang.
82. PR-1532-L24505
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pendaftaran My Digital ID sehingga Jun 2024 mengikut negeri dan apakah manfaat yang akan diperoleh kepada rakyat yang mendaftarnya.
83. PR-1532-L25185
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status kajian yang telah dijalankan terhadap kerangka perundungan dan kawal selia yang sedia ada khususnya bagi membendung jenayah atas talian termasuk penggubalan RUU Keselamatan Dalam Talian.
84. PR-1532-L24652
Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelaksanaan janji reformasi institusi Parlimen dan jaminan Kerajaan untuk tidak mengekang hak kebebasan bersuara ahli Parlimen agar autonomi Parlimen kekal dihormati dan bebas daripada campur tangan eksekutif.

85. PR-1532-L24424

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kaedah penilaian prestasi penjawat awam selepas pelaksanaan kenaikan gaji pada tahun hadapan bagi menjamin tahap produktiviti penjawat awam sentiasa berada di tahap yang tinggi setanding dengan kadar kenaikan gaji.

86. PR-1532-L25400

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah rumah generasi kedua FELDA yang masih tidak siap dan terbengkalai sehingga sekarang di seluruh negara.

87. PR-1532-L25268

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme serta kriteria pemilihan dalam agihan Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) yang telah diumumkan baru-baru ini.

88. PR-1532-L(5)00262

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) jumlah serangan siber yang ditempuhi oleh pengkalan data kerajaan dari 2014 sehingga 2024 setakat ini; dan
- (b) kos tahunan dan kesiapsiagaan infrastruktur keselamatan siber Kerajaan (termasuk agensi dan jabatan) dalam menempuh serangan siber seperti yang berlaku di Indonesia baru-baru ini.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

89. PR-1532-L25919

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kajian dan cadangan penangguhan pelaksanaan inisiatif lantikan baru bercarum dan meneruskan polisi sedia ada iaitu memberi pilihan kepada penjawat awam memilih sendiri skim persaraan yang mereka mahu iaitu sama ada skim pencen sektor awam ataupun skim caruman KWSP.

90. PR-1532-L24585

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kerajaan boleh memastikan bahawa harga barang tidak naik apabila pemotongan subsidi diesel.

91. PR-1532-L24673

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam melaksanakan reformasi terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan jelaskan status cadangan untuk SPRM diletakkan di bawah bidang kuasa Parlimen.

92. PR-1532-L25641

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelang 2040 Kerajaan dijangka akan menampung kos pencen sebanyak RM120 bilion setahun. Bilakah Kerajaan bersedia untuk melaksanakan reformasi skim pencen sedia digantikan dengan sistem EPF sepenuhnya.

93. PR-1532-L24946

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini rundingan dan perbincangan oleh Jawatankuasa Teknikal Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKTMTPMA63) mengenai status pengembalian 40 peratus hasil bersih kepada negeri Sabah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

94. PR-1532-L25109

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Akta Laut Wilayah 2012 telah membatalkan atau boleh membatalkan Akta 144, Surat Cara Pemberian Hak, Kuasa, Kebebasan dan Keistimewaan Berkenaan Petroleum 1975 dan Perjanjian Tambahan PETRONAS dan Negeri Terengganu 1987 dalam memberikan hak royalti petroleum kepada Negeri Terengganu.

95. PR-1532-L24552

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha terkini Kementerian dalam mengambil peluang terhadap penyusutan nilai ringgit dengan menarik lebih ramai pelancong ke dalam negara.

96. PR-1532-L25555

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos Kerajaan untuk membayar kenaikan gaji pejawat awam lebih 13% yang telah diumumkan boleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini dan dari mana Kerajaan mendapat dana yang begitu besar itu.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Kastam (Pindaan) 2024.

2. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Eksais (Pindaan) 2024.

3. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Zon Bebas (Pindaan) 2024.

4. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024.

5. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024.

6. Menteri Pengangkutan

- * Rang Undang-Undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024.

7. Menteri Pengangkutan

- * Rang Undang-Undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

“Bahawa Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Ahli Parlimen Seputeh dipilih bagi menggantikan Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Ahli Parlimen Kluang sebagai Naib-Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bagi Parlimen Kelima Belas.”

2. (D.R.22/2024) Rang Undang-Undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (15 Julai 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

3. (D.R.21/2024) Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Digital]

4. (D.R.38/2024) Rang Undang-Undang Timbang Tara (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

5. (D.R.39/2024) Rang Undang-Undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

6. (D.R.31/2024) Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 2024. “

[Menteri Kesihatan]

7. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. “

[Perdana Menteri]

8. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

9. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) **Bacaan Kali Yang Kedua** 2024.

[Perdana Menteri]

10. (D.R.32/2024) Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024. “

[Menteri Kesihatan]

11. (D.R.13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (27 Mac 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

12. (D.R.17/2024) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (9 Julai 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

13. PR-1532-U(27)328
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhananya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

14. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

15. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadu dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaian biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

17. PR-1532-U(27)323

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1532-U(27)324

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

19. PR-1532-U(27)325

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

20. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

21. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

22. PR-1532-U(27)332

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

23. PR-1532-U(27)333

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia - Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

24. PR-1532-U(27)334

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

25. PR-1532-U(27)335

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa sumbangan industri Sabah kepada GDP masih lagi dibawah 10%. Dan Menerima hakikat bahawa kemudahan logistik dan utiliti seperti bekalan air dan bekalan elektrik menjadi penghalang utama kepada pelabur untuk datang ke Sabah. Dan menerima hakikat kerajaan telah menujuhkan Taman-Taman Perindustrian sebagai destinasi pelaburan.

Menerima hakikat juga bahawa begitu ramai anak-anak Sabah yang terpaksa berhijrah ke tempat lain seperti Semenanjung untuk mencari pekerjaan. Dan menerima hakikat pada keseluruhannya, Sabah ini adalah jauh ke belakang dalam pembangunan berbanding dengan belia Semenanjung. Ia termasuklah dalam hal-hal pencapaian peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dan mengambil tanggungjawab bahawa kesenjangan di antara Semenanjung dan wilayah Sabah ini perlu ditangani segera untuk memastikan integriti negara kita dan juga memastikan kelangsungan kestabilan politik, maka dewan yang mulia ini ditangguh untuk membahaskan perkara yang sangat penting ini bertujuan memastikan agar kesenjangan pembangunan ini dapat dirapatkan."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

26. PR-1532-U(27)336

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat kos sara hidup meningkat, serta kos bahan api (minyak) pengangkutan menaik. Menerima hakikat kesesakan jalan raya semakin bertambah di Sabah. Dan menerima hakikat juga sistem pengangkutan awam di Sabah masih mahal.

Maka (Tuaran) meminta kerajaan supaya mengadakan pelan tindakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam yang selamat, efisien, berdaya harap dengan kos yang tidak membebankan di Sabah."

[Menteri Pengangkutan]

27. PR-1532-U(27)337

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa hal air di Semenanjung adalah di bawah Suruhanjaya Perkhimatan Air Negara (SPAN), yang menerima peruntukan secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan. Menerima hakikat bahawa Sabah tidak menerima peruntukan bekalan air dari Persekutuan dengan alasan bahawa Sabah tidak termasuk dalam SPAN.

Menerima hakikat bahawa "Reserve Margin" bekalan air di Sabah adalah dibawah paras negatif. Dan menerima hakikat purata non revenue water di Sabah adalah atas 60%, dan hal ehwal air ini adalah hal negeri di bawah kelolaan Kerajaan Sabah. Dan menerima hakikat juga bahawa langkah-langkah untuk menurunkan NRW dan meningkatkan kapasiti loji-loji rawatan adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Maka, (Tuaran) mencadangkan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik bagi membantu Kerajaan Sabah untuk menangani masalah bekalan air di Sabah secara tuntas dengan memberi peruntukan secara geran yang mencukupi."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

28. PR-1532-U(27)338

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa perkahwinan di antara orang tempatan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai dokumen berleluasa di Sabah. Dan menerima hakikat bahawa perkahwinan ini telah menyebabkan kelahiran anak-anak yang tidak mempunyai dokumen yang akhirnya menjadi "stateless".

Menyedari hakikat bahawa golongan "stateless" ini tidak dapat memasuki sistem pendidikan menyebabkan mereka membesar tanpa pendidikan. Menerima hakikat bahawa ini menjadi bebanan kepada rakyat Sabah dan Kerajaan.

Maka (Tuaran) meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan pelan tindakan untuk mengatasi masalah ini sehingga mempunyai penyelesaian tuntas."

[Menteri Dalam Negeri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u>
<u>2024</u>		<u>DIBENTANGKAN</u>
DR. 22	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Tindakan Susulan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Jabatan Kerja Raya Sabah bagi Syor-Syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah (DR.6/2024)	16 Julai 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)	1. Projek Perumahan Sakit dan Terbengkalai di Parlimen Pasir Gudang 2. Tanah Runtuh di Kawasan Perumahan di Parlimen Pasir Gudang	1. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
YB Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki (Parit Buntar)	1. Penambahbaikan Klinik Pergigian di Daerah Kerian, Parit Buntar 2. Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Daerah Kerian, Parit Buntar	1. YB Menteri Kesihatan 2. YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**